

**KECEKAPAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DALAM KALANGAN  
GURU KEMAHIRAN HIDUP**

**NOOR SYAFIQAH BINTI MOHD YUSOF**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

KECEKAPAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DALAM KALANGAN  
GURU KEMAHIRAN HIDUP

NOOR SYAFIQAH BINTI MOHD YUSOF

LAPORAN KAJIAN INI DIBUAT UNTUK MEMENUHI SYARAT  
PENGANUGERAHAN SARJANA PENDIDIKAN ( TEKNIK DAN VOKASIONAL )

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

JUN 2013

## **DEDIKASI**

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani.  
Segala pujian atas limpah dan kurnia Allah S.W.T tuhan seluruh alam.  
Selawat dan salam ke atas junjungan nabi Muhammad S.A.W.

### **Buat pensyarah pembimbing,**

*Dr Amirmudin Bin Udin,*

Terima kasih atas tunjuk ajar, bimbingan dan bantuan yang amat berharga dan tidak terbalas. Doa sentiasa dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t semoga jasa baik yang telah diberikan diterima sebagai sebaik-baik amalan yang akan diberikan ganjaran di dunia dan di akhirat.

### **Buat mak dan abah,**

*Mohd Yusof Bin Ahmad,*

*Omikal Som Binti Zainal*

Tiada apa yang dapat dibicarakan atas doamu yang mengiringi setiap detik perjalanan hidup anakandamu ini. Juga buat adinda-adindaku, Syafiq, Yusriza dan Yusri. Terima kasih atas segalanya.

### **Buat rakan-rakan dan teman –teman**

Segala sokongan dan dorongan yang diberikan moga Allah merahmati kalian di dunia dan akhirat. Semoga Allah juga memberi hidayah dan membuka pintu rahmatNya kepada kita. Amin.

## **PENGHARGAAN**

### **“Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Dan Lagi Maha Penyayang”**

Segala puji-pujian kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya, penyelidikan ini dapat disempurnakan seperti yang dicita-citakan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. pesuruh Allah yang amat dikasihi.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada penasihat penyelidikan, Dr. Amirmudin Bin Udin yang tanpa jemu menghulurkan bimbingan, panduan, tunjuk ajar dan nasihat. Terima kasih yang tidak terhingga dan hanya Allah S.W.T. yang mengetahui dan membalas jasa-jasa yang sangat besar ini.

Penghargaan ini juga ditujukan khas buat mak dan abah yang tanpa jemu mendoakan kejayaan saya. Tanpa sokongan dan dorongan serta doa mereka, saya tidak akan kuat untuk melangkah ke tahap ini.

Akhir sekali, buat rakan-rakan seperjuangan dan teman-teman yang dekat di hati. Terima kasih yang tidak terhingga atas sokongan dan dorongan yang diberikan. Syukur kepada Allah kerana meminjam dan mengurniakan teman dan rakan seperti kalian. Moga Allah sentiasa merahmati hubungan persahabatan yang terjalin ini.

## **ABSTRAK**

Kajian deskriptif ini adalah untuk mengetahui tahap kecekapan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan guru Kemahiran Hidup.. Responden terdiri daripada 118 orang guru Kemahiran Hidup di daerah Pasir Gudang. Sebanyak 50 item soal selidik telah diajukan yang mengandungi persoalan yang berkaitan kecekapan pengurusan diri, kecekapan belajar cara belajar, kecekapan mendapatkan maklumat, kecekapan digital dan kecekapan dalam inisiatif dan keusahawanan. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan diedarkan kepada responden. Penganalisan data dibuat dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) dan dinyatakan dalam bentuk min dan sisihan piawai. Kajian mendapati secara keseluruhannya semua kecekapan berada pada tahap yang sederhana kecuali kecekapan pengurusan diri yang berada pada tahap tinggi. Daripada hasil kajian ini dicadangkan pihak Kementerian Pendidikan dan Pejabat Pelajaran Daerah dapat menganjurkan lebih banyak kursus atau bengkel untuk mempertingkatkan kecekapan dan kemahiran guru-guru Kemahiran Hidup.

## **ABSTRACT**

This descriptive research, in the form observation of questionnaire is to determine the levels of lifelong learning competencies among Living Skills teachers. Respondents consist of 118 Living Skills teachers. 50 question items which consists questions regarding self-management competencies, competencies of learning how to learn, competencies of initiative and entrepreneurship, competencies on acquiring information and digital competencies was asked to respondents. Questionnaire was used as the research instrument and distributed to respondents. Data was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) and presented in mean and standard deviation. The outcome from this research shows all competencies are in moderate level except self-management competencies is in high level. Most of the competencies are at the moderate level, which means teachers' competencies need to be improve. Therefore, from the outcome of this research, it is recommended that the suggested that the Ministry of Education and District Education Office can organize more courses or workshops to enhance the efficiency and skills of living skills teachers.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	i
	PENGAKUAN PENYELIA PROJEK SARJANA	ii
	JUDUL	iii
	PENGAKUAN PENKAJI	iv
	PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	4
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Definisi Istilah	9
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	13
1.9	Kesimpulan	14

## **2 SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	15
2.2	Konsep dan Definisi Pembelajaran Sepanjang Hayat	16
2.3	Ciri- ciri Pembelajaran Sepanjang Hayat	18
2.4	Jenis-jenis Pembelajaran Sepanjang Hayat	19
2.4.1	Pembelajaran Sepanjang Hayat Secara Formal	
2.4.2	Pembelajaran Sepanjang Hayat Secara Tidak Formal	
2.5	Sekolah dan Pembelajaran Sepanjang Hayat	21
2.6	Isu dan Cabaran Dslam Pembelajaran Sepanjang Hayat	23
2.7	Kecekapan Dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat	25
2.8	Teori Dewasa	30
2.9	Teori Behaviorist	31
2.10	Teori Kognitif	32
2.11	Teori Humanisis	32
2.12	Teori Pembelajaran Sosial	33
2.13	Organisasi Pembelajaran	33
2.14	Teori Pembelajaran Organisasi	33
2.10	Penutup	35

## **3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
3.3	Populasi Kajian	38
3.4	Instrumen Kajian	39
3.5	Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen	41
3.6	Kerangka Konseptual	42



3.7	Penganalisan Data	43
3.8	Tempat Kajian	44
3.9	Penutup	45
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	
4.1	Pengenalan	46
4.2	Analisis Bahagian A	47
4.3	Analisis Bahagian B	49
4.3.1	Kecekapan Pengurusan Diri	49
4.3.2	Kecekapan Belajar Cara Belajar	52
4.3.3	Kecekapan Dalam Mendapatkan Maklumat	54
4.3.4	Kecekapan Digital	57
4.3.5	Kecekapan Dalam Inisiatif dan Keusahawanan	59
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	60
5.2	Rumusan Kajian	61
5.3	Kesimpulan Kajian	62
5.4	Perbincangan	64
5.5	Cadangan	69
	<b>RUJUKAN</b>	76-80
	<b>LAMPIRAN</b>	81-87

## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Jadual 3.1:</b>	Jadual Skala Likert	41
<b>Jadual 3.2:</b>	Jadual item bagi kecekapan pembelajaran sepanjang hayat guru.	42
<b>Jadual 3.3:</b>	Nilai min	45
<b>Jadual 4.1:</b>	Taburan dan Peratus Responden Mengikut Jantina	47
<b>Jadual 4.2:</b>	Taburan Responden Mengikut Umur	48
<b>Jadual 4.3:</b>	Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	48
<b>Jadual 4.4:</b>	Skor min dan sisihan piawai bagi kecekapan pengurusan diri	51
<b>Jadual 4.5:</b>	Skor min dan sisihan piawai bagi kecekapan belajar cara belajar	53
<b>Jadual 4.6:</b>	Skor min dan sisihan piawai bagi kecekapan mendapatkan maklumat	56
<b>Jadual 4.7:</b>	Skor min dan sisihan piawai bagi kecekapan digital	58
<b>Jadual 4.8:</b>	Skor min dan sisihan piawai bagi kecekapan dalam inisiatif dan keusahawanan	61

## **SENARAI RAJAH**

<b>NO RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1:	Kerangka konseptual kajian	13
Rajah 2:	Carta Alir Prosedur Penyelidikan	44

## SENARAI SINGKATAN

BPG	-	Bahagian Pendidikan Guru
ICT	-	Information Communication Technology
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
P & P	-	Proses Pengajaran Dan Pembelajaran
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
PPDGU	-	Pejabat Pelajaran Daerah Pasir Gudang
SPSS	-	Statistical Package for Social Science
PSH	-	Pembelajaran Sepanjang Hayat
UNESCO	-	United Nations Education, Scientific and Cultural Organization
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
OUM	-	Open University Malaysia
NKRA	-	National Key Result Area (Bidang Keberhasilan Utama Negara)

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	81 - 87
B	Surat Pengesahan Status Pelajar	88

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Aspirasi Malaysia adalah untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Bagi merealisasikan aspirasi tersebut, negara melangkah ke fasa baru pembangunan iaitu fasa 15 tahun akan datang yang berpandukan Misi Nasional iaitu satu dasar dan rangka kerja pelaksanaan yang bertujuan meningkatkan prestasi dan impak daripada gabungan usaha pembangunan negara (RMKe-9, 2006). Teras kedua dalam Misi Nasional ini menyatakan hasrat kerajaan untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama (RMKe-9, 2006). Usaha bagi membangunkan modal insan demi memacu transformasi negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dipergiat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 ini. Modal insan yang dibangunkan perlu mempunyai keupayaan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang unggul.

Selari dengan itu, pada 27 Ogos 2007 Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah digubal dan telah dilancarkan bersama visi untuk mentransformasikan pengajian tinggi dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai hub kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Bab ke-8 dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara menyatakan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi untuk membudayakan pembelajaran sepanjang hayat (Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, 2007). Walaupun pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat telah dijalankan selama lebih kurang enam tahun, namun jika dibandingkan dengan negara maju yang lain seperti Amerika Syarikat,

German dan Australia, Malaysia masih lagi baru dalam hasrat menjadikan pembelajaran sepanjang hayat sebagai agenda pembangunan negara.

Selain daripada pengajian tinggi, tidak dinafikan bahawa pendidikan di peringkat kanak-kanak juga tidak kurang pentingnya bagi melahirkan modal insan yang mampu memacu transformasi negara. Seajar dengan itu, Rancangan Malaysia Ke-9 juga tidak meminggirkan pendidikan di peringkat rendah. Sekolah kebangsaan akan diperkasa agar menjadi sekolah pilihan utama rakyat Malaysia (RMKe-9, 2006).

Menurut Hamedah dan Normah (2009), sekolah merupakan institusi yang diberikan tanggungjawab untuk membentuk modal insan negara. Pada dasarnya, insan yang ingin dilahirkan melalui sistem pendidikan ialah insan yang kamil iaitu lengkap dan sempurna, berdasarkan kepada fitrah potensi dan kemampuan masing-masing. Individu yang memainkan peranan penting di sekolah adalah guru. Tugas sebenar seorang guru di sekolah bukan hanya sekadar mengajar tetapi juga mendidik (Hamedah & Normah, 2009). Dengan didikan yang sempurna maka akan lahirlah insan yang mempunyai akhlak mulia, mantap rohani, stabil emosi serta jasmani yang sihat dan cergas seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara yang berbunyi

Guru yang merupakan golongan pendidik di sekolah juga tidak terlepas daripada mengamalkan pendidikan sepanjang hayat. Pembelajaran sepanjang hayat dapat menjamin kelestarian kemahiran dan pengetahuan guru dalam bidang pendidikan. Bidang pendidikan merupakan bidang yang penting dan bertanggungjawab untuk membentuk generasi yang berilmu dan berkemahiran yang merupakan agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia. Tugas melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan tinggi bukanlah satu tugas yang mudah. Guru-guru perlu memantapkan diri dengan kemahiran professional yang sesuai dengan bidang perguruan. Guru juga perlu sentiasa memperbaharui pengetahuan dan kemahiran seiring dengan perubahan dunia pendidikan kini. Bidang perguruan merupakan bidang yang memerlukan guru menjalankan amanah dan tanggungjawab mendidik (Hamedah & Normah, 2009). Keadaan ini memerlukan guru menggunakan akal, ilmu mahupun kemahiran pengajaran (Mok Song Sang, 1991).

Ini bagi membolehkan guru sentiasa menggunakan pelbagai pendekatan dan kemahiran dalam proses penyampaian ilmu.

Cabaran dalam pendidikan pada masa kini memerlukan guru-guru dan pengurus-pengurus pendidikan yang mempunyai semangat yang kental, berpengetahuan luas serta mempunyai kemahiran yang tinggi serta memperkembangkan diri seiring dengan era globalisasi yang semakin mencabar. Bagi mempersiapkan diri menghadapi cabaran era globalisasi, guru-guru perlu sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui kursus secara formal atau tidak formal. Oleh sebab itu, terdapat segelintir guru-guru mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran mereka bagi meningkatkan dan memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran professional yang sedia ada.

Melalui pembelajaran sepanjang hayat, kelestarian ilmu pengetahuan seseorang individu akan lebih terjamin. Ini adalah kerana ilmu pengetahuan adalah penggerak utama bagi merubah kehidupan ke arah lebih baik. Ilmu pengetahuan akan menjamin kelestarian seseorang individu di dalam bidang pekerjaan yang diceburi. Ilmu dan kemahiran yang diperolehi dapat digunakan untuk kemajuan diri seterusnya institusi yang diwakili. Melalui pendidikan sepanjang hayat, ilmu dan kemahiran akan sentiasa dipertingkatkan demi kemajuan diri serta organisasi dan menjamin kelestarian individu di dalam bidang pekerjaan yang diceburi.

Pembelajaran sepanjang hayat melibatkan proses menyediakan pendidikan dan pembelajaran kepada individu sepanjang hayat mereka mengikut keperluan sama ada melalui pembelajaran secara formal, tidak formal dan lain-lain (UNESCO, 2011). Pembelajaran sepanjang hayat menekankan bahawa setiap manusia berhak dan berpeluang untuk memperolehi pendidikan dalam kehidupannya. Konsep pendidikan harus mencakupi seluruh aspek kehidupan seseorang. Ia seharusnya tidak dibatasi oleh usia, ruang tertentu serta masa melainkan seluruh aspek pendidikan yang berlangsung secara berterusan dalam sepanjang hayat kehidupan seseorang dan dalam berbagai situasi. Pendidikan tersebut merupakan persepsi dari kemampuan dan kebolehan seseorang



individu yang disesuaikan dengan ciri-ciri tertentu bagi setiap individu. Pembelajaran jenis ini tidak terbatas pada material pembelajaran yang ditawarkan lembaga pendidikan formal melainkan mencakup seluruh bidang kehidupan (Lengrand, 1965).

Menyedari hakikat sebenar dalam bidang pendidikan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menjalankan beberapa program bertujuan meningkatkan lagi tahap profesionalisme guru-guru. Program yang dijalankan termasuklah kursus dalam perkhidmatan, lawatan penanda aras, kursus ke luar negara dan terdapat juga program berkembar antara institut perguruan dan universiti tempatan.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Era globalisasi memerlukan kita berhadapan dengan pelbagai cabaran. Sebagai rakyat Malaysia yang bersama-sama ingin mencapai hasrat Wawasan 2020, kita perlu mempunyai pelbagai kompetensi bagi membolehkan kita menyesuaikan diri dengan dunia yang pesat membangun. Oleh itu, tidak dinafikan pendidikan memainkan peranan yang sangat penting sama ada dari sudut ekonomi atau sosial bagi membentuk rakyat Malaysia menjadi individu yang mampu menyesuaikan diri dengan perubahan yang sering berlaku. Guru sebagai individu yang penting di sekolah perlu memainkan peranan penting dalam merealisasikan hasrat tersebut. Menurut Selvi (2007), guru perlu mempunyai kompetensi tentang pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan bukan sahaja pembelajaran sepanjang hayat mereka malahan juga pelajar.

Di samping itu, profesion keguruan juga merupakan antara profesion yang tertua di dunia dan kini telah memasuki satu lagi era baharu. Jika peranan guru pada masa dahulu hanya tertumpu kepada proses penyampaian ilmu, namun dalam sistem pendidikan kini, guru memainkan peranan sebagai pemudah cara pengetahuan (Noriati, Boon & Wong, 2010). Seorang guru sebagai pemudah cara seharusnya lebih bersedia dan peka dalam melahirkan dan menggunakan situasi-situasi pembelajaran secara cekap dan

berkesan. Selain itu, profesion keguruan juga merupakan suatu bidang pekerjaan yang memerlukan seorang guru mempunyai pendidikan dan kecekapan serta kemahiran yang tinggi dan latihan yang khas (Kamus Dewan, 2005).

Menurut Noriati, Ying, dan Wah (2010), guru juga menggalas tanggungjawab untuk sentiasa mencari ilmu serta mengamalkannya bagi memenuhi keperluan pendidikan dan masa depan generasi muda Negara. Seorang guru perlu mengamalkan sikap ingin ‘belajar untuk mengajar’, sentiasa meningkatkan penguasaan ilmu dan pengetahuan tentang isi kandungan pelajaran melalui pembacaan, perbincangan dengan rakan sejawat, menghadiri kursus dalam perkhidmatan, menjalankan penyelidikan dan mempamerkan sikap keterbukaan kepada peluang pemerolehan ilmu. Perkembangan maklumat dan pengetahuan baharu yang sentiasa berlaku menjadikan guru tidak boleh bergantung hanya kepada buku teks. Oleh kerana ilmu pengetahuan sentiasa berkembang dan berubah, maka guru perlu menjadi pelajar sepanjang hayat.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Beberapa kajian lepas telah mengkaji tentang isu dan cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran sepanjang hayat. Lee, Chia dan Nik Hasnaa (2011) menyatakan bahawa literasi merupakan antara cabaran dalam pengaplikasian pembelajaran sepanjang hayat. Literasi menjadi suatu asas yang sangat penting malah antara prasyarat yang membolehkan orang muda atau orang dewasa untuk melibatkan diri dalam peluang pembelajaran. Tanpa asas literasi yang mencukupi, ia menjadi tugas yang sukar diatasi bagi pelajar untuk memperoleh kemahiran tambahan. Selain itu, penguasaan Bahasa Inggeris juga merupakan antara salah satu cabaran dalam pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia (Lee, Chia dan Nik Hasnaa, 2011). Walaupun penggunaan bahasa ibunda atau bahasa kebangsaan adalah penting, namun kecekapan dalam bahasa Inggeris akan memberikan satu kelebihan kepada pelajar kerana kebanyakan bahan-bahan pendidikan yang moden adalah dalam bahasa Inggeris. Walaupun penterjemahan boleh dilakukan,

namun ianya akan mengambil masa dan akan menghilangkan ketepatan kandungan bahan tersebut. Latihan kepada tenaga pengajar pula akan meningkatkan kos pada masa akan datang. Selain itu, pertimbangan terhadap ketepatan masa dan bahan yang usang juga perlu diberi perhatian.

Mazanah (2001) telah mengenal pasti kekurangan sumber pembelajaran iaitu pengajar berkecukupan, kemudahan latihan dan alat bantu mengajar, sebagai satu lagi isu utama dalam pembelajaran sepanjang hayat. Terdapat kekurangan profesionalisme dan peluang latihan untuk pendidik bagi meningkatkan diri mereka. Selain itu, persekitaran pembelajaran yang tidak mencukupi dari segi peralatan, bahan dan kurikulum, telah ditunjukkan dan ternyata mempunyai kesan dan menjejaskan kualiti pembelajaran dewasa dan peruntukan pendidikan (UNESCO 2009a). Ini kerana, menurut Fischer (n.d) pembelajaran sepanjang hayat adalah lebih daripada latihan atau pendidikan berterusan. Pembelajaran sepanjang hayat mesti menyokong pelbagai peluang pembelajaran.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kecekapan dalam pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di kalangan guru-guru sekolah rendah. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui tahap kecekapan pengurusan diri dalam kalangan guru-guru sekolah rendah.
- ii. Mengetahui tahap kecekapan belajar cara belajar dalam kalangan guru-guru sekolah rendah
- iii. Mengetahui tahap kecekapan mendapatkan maklumat dalam kalangan guru-guru sekolah rendah.
- iv. Mengetahui tahap kecekapan digital dalam kalangan guru-guru sekolah rendah
- v. Mengetahui tahap kecekapan dalam inisiatif dan keusahawanan dalam kalangan guru-guru sekolah rendah.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Persoalan yang menjadi asas kepada kajian ini merangkumi beberapa aspek seperti berikut:

- i. Apakah tahap kecekapan pengurusan diri dalam kalangan guru Kemahiran Hidup?
- ii. Apakah tahap kecekapan belajar cara belajar dalam kalangan Kemahiran Hidup?
- iii. Apakah tahap kecekapan mendapatkan maklumat dalam kalangan guru Kemahiran Hidup?
- iv. Apakah tahap kecekapan digital dalam kalangan guru Kemahiran Hidup?
- v. Apakah tahap kecekapan dalam inisiatif dan keusahawanan dalam kalangan guru Kemahiran Hidup?

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini boleh menjadi dorongan kepada guru untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Dunia pendidikan yang semakin mencabar ini memerlukan guru sentiasa mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran. Guru perlu lebih reflektif terhadap amalan dirinya.

Kepentingan kajian ini juga boleh mendorong pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk meneliti semula pendekatan untuk pendidikan awam, latihan, dan pembangunan pemimpin dengan menumpukan perhatian yang lebih kepada faktor individu dan konteks organisasi yang mempengaruhi untuk meneruskan pembelajaran sepanjang hayat. Melalui pengenalpastian faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran sepanjang hayat boleh membantu kepimpinan pendidikan dalam mewujudkan budaya pembelajaran. Pengetahuan yang diperoleh daripada kajian ini boleh menjana minat dalam menjalankan kajian tambahan mengenai sikap, individu, motivasi dan tingkah laku ke arah pendidikan, latihan dan pembangunan pemimpin.

Data yang dikumpul daripada kajian ini boleh menambah kepada asas pengetahuan kepimpinan dengan menyediakan kefahaman mendalam dalam mempengaruhi guru meneruskan pembelajaran, sokongan pentadbir dalam pendidikan,

latihan dan pembangunan pemimpin serta akses kepada peluang pembelajaran. Pihak Kementerian Pelajaran akan lebih memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan guru dan sokongan pentadbir dalam tingkah laku pembelajaran yang berterusan. Data yang dikenal pasti jika kakitangan awam dalam Kementerian Pelajaran mempunyai nilai pembelajaran, dan bagaimana akses kepada peluang pembelajaran menggalakkan dan menyokong peningkatan kemahiran dan pengetahuan yang berterusan. Pihak kementerian, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan pentadbir sekolah juga boleh mengumpul maklumat lain yang berharga mengenai tahap kecekapan guru di sekolah dan organisasi untuk mewujudkan budaya pembelajaran sepanjang hayat.

## **1.7 Definisi istilah**

Bagi memberikan kefahaman yang lebih mendalam di dalam kajian ini, terdapat beberapa definisi yang digunakan oleh penyelidik bagi memperjelas sesuatu supaya lebih selari dengan maksud atau makna yang diutarakan.

### **1.7.1 Guru**

Guru merupakan orang yang mengajar seseorang sama ada ilmu pengetahuan atau kemahiran. Guru mengajar seseorang agar pandai membaca, menulis dan mengira; mengenal Tuhan, faham dan dapat membezakan tingkah laku yang baik dan yang buruk. Guru juga mengajar agar dapat menjalani hidup dengan memperolehi kejayaan masing-masing berdasarkan ilmu dan kemahiran yang dimiliki dan mendapat keredaan Allah. Mengajar manusia agar menjadi insan yang berguna bukan sahaja kepada keluarga dan masyarakat malahan bangsa dan negara. Oleh itu, guru terdiri daripada pendidik, pengajar dan pengasuh.

### **1.7.2 Sekolah rendah**

Menurut akta pendidikan 1996, sekolah bermaksud tempat di mana sepuluh orang atau lebih yang biasanya diajar sama ada di dalam satu kelas atau lebih. Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk mana-mana tempat pengajarannya terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata. Sekolah rendah pula adalah pengajian peringkat rendah yang direncanakan bagi tempoh enam tahun yang boleh tamat dalam tempoh lima hingga tujuh tahun.

### **1.7.3 Profesion**

Suatu bidang pekerjaan khasnya yang memerlukan pendidikan dan kecekapan serta kemahiran yang tinggi dan latihan yang khas.

### **1.7.4 Profesionalisme**

Suatu pekerjaan yang khusus dan dijalankan oleh orang yang mempunyai kelulusan dan latihan ikhtisas yang cukup bermutu, bersikap jujur, dedikasi, berakauntabiliti dan bermoral tinggi, mempunyai autonomi bertugas serta mematuhi kod etika yang ditentukan oleh organisasinya.

### **1.7.5 Pembelajaran sepanjang hayat**

Pembelajaran sepanjang hayat seperti yang ditakrifkan oleh Dehmel (2006) dan Hung (2007) adalah usaha berterusan untuk memperkembang dan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan melalui aktiviti pembelajaran formal dan informal sepanjang kitaran hayat. Usaha yang berterusan terhadap pembelajaran di luar pendidikan formal membayangkan penggunaan pendekatan pembelajaran untuk hidup.

### **1.7.6 Kecekapan**

Kecekapan ditakrifkan di sini sebagai gabungan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang sesuai kepada konteks. Kecekapan utama adalah orang-orang yang semua individu perlu untuk memenuhi peribadi dan pembangunan, aktif kewarganegaraan, sosial kemasukan dan pekerjaan.

### **1.7.7 Kecekapan Dalam Inisiatif Dan Keusahawanan**

Merujuk kepada keupayaan individu untuk mengubah idea kepada tindakan (European Communities, 2007). Ia termasuk kreativiti, inovasi dan pengambilan risiko, serta keupayaan untuk merancang dan menguruskan projek-projek bagi mencapai objektif.

### **1.7.8 Kecekapan Digital**

Kecekapan digital melibatkan penggunaan teknologi secara yakin dan kritikal untuk kerja, riadah dan komunikasi. Ia disokong oleh kemahiran asas dalam ICT: penggunaan komputer untuk mendapatkan semula, menilai, menyimpan, mengeluarkan dan bertukar-tukar maklumat, serta untuk berkomunikasi dan mengambil bahagian dalam rangkaian kerjasama melalui internet

### **1.7.9 Kecekapan Belajar Cara Belajar**

Belajar untuk belajar adalah keupayaan untuk berterusan dalam pembelajaran, untuk mengaturkan pembelajaran sendiri, termasuk melalui pengurusan masa dan maklumat yang berkesan sama ada secara individu atau kumpulan

### **1.7.10 Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)**

JPN berfungsi dan bertindak dalam melaksanakan dasar-dasar dan usaha yang telah diputuskan di peringkat kementerian untuk dilaksanakan di setiap negeri.

### **1.7.11 Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)**


Pejabat Pelajaran Daerah berfungsi untuk memberi perkhidmatan dan kepimpinan ikhtisas kepada guru. Di samping itu, PPD juga bertanggungjawab dalam menyelia , membimbing dan mendorong guru dalam amalan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

### **1.7.12 Kementerian Pelajaran Malaysia**

Kementerian Pelajaran Malaysia merupakan pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada pendidik di Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berperanan membangun potensi individu melalui pendidikan berkualiti. Matlamat penubuhan kementerian ini ialah untuk melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu, insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera, menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan Negara dan memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia.



## 1.8 Kerangka Konsep Kajian



**Rajah 1:** Kerangka konseptual kajian

Berdasarkan Rajah 1, kajian ini akan mengkaji kecekapan guru berdasarkan lima kecekapan yang perlu dikuasai oleh seorang guru kemahiran hidup. Jenis-jenis kecekapan dalam pembelajaran sepanjang hayat yang perlu dikuasai oleh guru ialah:

- Kecekapan dalam mendapatkan maklumat
- Kecekapan pengurusan diri
- Kecekapan dalam belajar untuk belajar
- Kecekapan dalam inisiatif
- Kecekapan digital

## **1.9 Kesimpulan**

Dalam bab ini penyelidik telah menerangkan serba sedikit mengenai latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, hipotesis kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan definisi istilah. Dari itu, perancangan serta strategi yang baik perlulah diatur dan disusun dengan sempurna oleh guru-guru bagi meningkatkan kecekapan dan kemahiran mereka dalam bidang perguruan. Peningkatan kemahiran dan kecekapan guru akan meningkatkan lagi profesionalisme guru di mata masyarakat.

## RUJUKAN

- Abd Rashid, Sumaiyah & Siti Nor. (2007). *Biah solehah pemangkin kecemerlangan sahsiah pelajar*. Bangi: Kolej Islam Sultan Alam Shah.
- Ala-Mutka, K. (2008). *Social Computing: Use and Impacts of Collaborative Content*. IPTS Exploratory  
Department of Education and Training. (2004). *Competency Frameworks for Teachers*.  
Research on Social Computing. Institute for Prospective Technological Studies (IPTS),  
JRC, European Commission, forthcoming.
- Ali A. (2005). "Lifelong Learning: Policy of Malaysia and the Role of OUM", *Paper presented at the Korea National Open University*.
- Azizi Yahaya *et al.*, (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: teori, analisis dan interpretasi data*. Batu Caves, Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bryce, J. (2006). School and lifelong learners. *Lifelong learning, participation and Equity*, 243-263. Melbourne, Australia: Springer.
- Chiang, H. L. (1998). The Promotion of Lifelong Education of American. *Adult Education Bimonthly*, 44, 48-53.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. 2nd ed. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Deci, E. L., Connell, J. P., & Ryan, R. M. (1989). Self determination in a work organization. *Journal of Applied Psychology*, 74(4), 580-590. Retrieved from *EBSCOhost* database.
- Demirel, M. (2009). Implications of lifelong learning on educational institutions. *Cypriot Journal Of Educational Sciences*, 4, 199-211.
- Dowd, S. B. (2000). Organizational learning and the learning organization in health care. *Hospital Materiel Management Quarterly*, 21, 1. Retrieved from *ABI/INFORM Global* database. European Reference Framework.
- European Commission. (1995). *Learning and training: Towards the learning society*. Brussels: European Commission.

- Fabrice, G. (2008). Intrinsic-extrinsic motivations and knowledge sharing in French firms. *ICFAI Journal of Knowledge Management*, 6(1), 56-80. Retrieved from EBSCOhost database.
- Figel, J. (2006). *Key competencies for lifelong learning*. *Education and Training*, Retrieved 12 Januari 2013, [http://ec.europa.eu/dgs/education\\_culture/publ/pdf/ll-learning/keycomp\\_en.pdf](http://ec.europa.eu/dgs/education_culture/publ/pdf/ll-learning/keycomp_en.pdf)
- Fischer, G. (n.d). *Lifelong Learning – More Tahan Training*. University of Colorado, Boulder.
- Fuller, A and Unwin, L (2003) ‘Learning as Apprentices in the contemporary UK workforce: creating and managing expansive and restrictive participation’, *Journal of Education and Work*, 16(4): 407-426.
- Garvin, D. A., Edmondson, A. C., & Gino, F. (2008). Is yours a learning organization? *Harvard Business Review*, 86(3), 109-116.
- Hamedah Wok Awang & Normah The. (2009). *Sekolah sebagai pembangunan modal insan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Hodkinson, P., Hodkinson, H., Evans, K., Kersh, N., Fuller, A., Unwin, L., et al. (2004). The significance of individual biography in workplace learning. *Studies in the Education of Adults*, 36(1), 6-24. Retrieved from *MasterFile Premier* database.
- Kamus Dewan (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerlinger, F.N. (1986). *Foundations of Behavioral Research*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Knapper, C.K. & Cropley, A.J.(2000). *Lifelong Learning in Higher Education*. London: Kogan Page
- Knowles, M. (1977). *The modern practice of adult education: Andragogy versus pedagogy*. New York: The Association Press.
- Knowles, M. (1984). *The adult learner: A neglected species*. Houston, TX: Gulf Publishing.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2007). *The National Higher Education Action Plan (2007-2010)*. Putrajaya: MOHE.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2011). *Blueprint on enculturation of lifelong learning Malaysia 2011-2020*. Seri Kembangan, Selangor: KPT

- Lee, S. T., Chia, B. C., & Nik Hasnaa (2011). *Lifelong Learning: Issues of Effective Implementation*. Open University Malaysia.
- Li, A. T., & Tsai, C.C. (2007). An indicator system for adult lifelong learning literacy. *Journal of Human Resources and Adult Learning*, 3 (1), 61-69.
- Longworth, N.& Davies, W.K. (1996). *Lifelong Learning. New vision, new implications, new roles for people, organizations, nations and communities in the 21st century*. London: Kogan Page Limited.
- Longworth, N. (2003). *Lifelong Learning in Action: Transforming Education in the 21st Century*. London: Kogan Page.
- Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999). “ *Penyelidikan Pendidikan*” Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Majid Konting (2005). “*Kaedah Penyelidikan Pendidikan*”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Noriati A. Rashid, Ying, B. P., & Wah, W. K. (2010). *Siri Pembangunan Guru: Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Perkins, D. D., Bess, K. D., Cooper, D. G., Jones, D. L., Armstead, T., & Speer, P. W. (2007). Community organizational learning: Case studies illustrating a threedimensional model of levels and orders of change. *Journal of Community Psychology*, 35(3), 303-328. Retrieved from *EBSCOhost* database.
- RMKe-9 <http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/html/rm9/bahasa/>
- RMKe-10 [http://www.moe.gov.my/userfiles/file/RMK10bab5%2014\\_6\\_10.pdf](http://www.moe.gov.my/userfiles/file/RMK10bab5%2014_6_10.pdf)
- Sakalas, A., & Venskus, R. (2007). Interaction of learning organization and organizational structure. *Engineering Economics*, 3(53), 65-70. Retrieved from *EBSCOhost* database.
- Selvi, K. (2007). The English language teachers’ competencies, presented paper the Fifth International JTET Conference, The Conference conducted at the meeting in the University of Debrecan, Hungary, May30-June 2007, (pp. 1-10).
- Selvi, K. (2010). Teachers’ competencies. *Cultura: International Journal of Philosophy of Cultural and Axiology*, 13, 167-175.
- Senge, P. (2006). *The fifth discipline: The art and practice of the learning organization* (2nd ed.). New York: Random House.

- UNESCO. (2009a). "CONFINTEA VI – Belen Framework for Action: harnessing the Power and Potential of Adult Learning and Education for a Viable Future", *Sixth International Conference on Adult Education*.
- Uzunboylu, H., & Tuncay, N. (2010). Divergence of digital world of teacher. *Educational Technology and Society*, 13 (1), 186-194
- Uzunboylu, H., & Hursen, C. (2011). Lifelong Learning competence scale (LLLS): The study of validity and reliability. *Journal of Education*, 41, 449-460.
- Wallace, B. (2008). Raising the motivation and self-esteem of all learners by creating acclimate for all talents to flourish: Developing empowerment for life: Research article. *Perspectives in Education*, 26(3), 19-28.
- Watson, D. (2007). The future for lifelong learning. *Adults Learning*, 19(3), 21-23. Retrieved from *EBSCOhost* database.
- Yang, B. (2004). Can adult learning theory provide a foundation for human resource development? *Advances in Developing Human Resources*, 6(2), 129-145. Retrieved from *ABI/INFORM Global* database